

PIAGAM MADINAH DALAM PENULISAN AHMAD IBRAHIM (1916-1999)

Kamal Azmi Abd Rahman¹
kamalazmi@kuis.edu.my

Nazneen Ismail³
Norsaleha Mohd Salleh⁴
Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor.

Indriaty Ismail²
Nurulfathonah Mohd. Effendy⁵
Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹ Kamal Azmi Abd. Rahman, Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

² Indriaty Ismail, Dr. Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Nazneen Ismail, Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

⁴ Norsaleha Mohd Salleh, Dr. Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

⁵ Nurulfathonah Mohd. Effendy, Calon Ijazah Sarjana di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.¹

Abstrak

Ahmad Ibrahim, Prof. Dr. merupakan seorang tokoh penting dalam bidang perundangan di Malaysia dan Singapura. Beliau telah menghidupkan pengajian undang-undang di institusi pengajian tinggi Malaysia seperti di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sumbangan terpenting beliau ialah dalam bidang perundangan Islam. Berkaitan dengan bidang ini, beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Piagam Madinah Pandangan dan Ulasan* (1985). Artikel ini akan membahaskan tentang Piagam Madinah berdasarkan kepada penulisan Ahmad Ibrahim terutamanya *Piagam Madinah Pandangan dan Ulasan*. Penulisan ini dianggap penting dan boleh dijadikan rujukan utama untuk memahami kandungan Piagam Madinah dalam Bahasa Melayu. Menurut Ahmad Ibrahim, Piagam Madinah adalah sebuah perlembagaan

¹ Kamal Azmi Abd. Rahman, Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (kamalazmi@kuis.edu.my)

² Indriaty Ismail, Dr. Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Nazneen Ismail, Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

⁴ Norsaleha Mohd Salleh, Dr. Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

⁵ Nurulfathonah Mohd. Effendy, Calon Ijazah Sarjana di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.¹

persekutuan yang membentuk negara kota Madinah, ia adalah kontrak sosial masyarakat pelbagai kaum dan agama bagi membentuk ummah dan ia juga menjamin hak-hak asasi setiap warganegara terutamanya hak kebebasan beragama mereka termasuk kepada masyarakat Yahudi. Oleh yang demikian, kandungan Piagam Madinah menjelaskan sikap toleransi Islam dan semangat inklusif dalam membentuk kehidupan masyarakat global yang harmoni. Ia bertentangan dengan wacana-wacana hak asasi dan kebebasan beragama anjuran Barat yang sentiasa mendiskriminasi Islam serta menimbulkan polemik dalam kehidupan masyarakat pelbagai bangsa dan agama.

Kata kunci: *Ahmad Ibrahim, Piagam Madinah, perlembagaan dan kebebasan beragama*

Pengenalan

Kajian tentang hak asasi manusia dan termasuk hal-hal yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama akan menemukan dengan *Magna Carta* dan *Bills of Rights*. Walaupun perlembagaan ini dianggap sebagai perlembagaan tertua di Barat, Piagam Madinah telah digubal lebih awal iaitu enam abad lebih awal daripada *Magna Carta*. Oleh kerana itu, piagam Madinah adalah piagam atau pelembagaan pertama yang pernah digubal secara betulis dalam sejarah manusia. Piagam Madinah telah menjadi asas pembinaan negara kota Madinah selepas peristiwa Hijrah. Ia digubal sebagai perlembagaan negara Madinah dan bertujuan untuk menjamin hak-hak setiap warganegarannya. Piagam ini telah membuktikan ketokohan Baginda SAW dalam bidang politik kenegaraan. Ia telah berjaya menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan hak kumpulan bukan Islam seperti orang Yahudi dan hak beragama mereka. Oleh itu, Piagam Madinah sesuai dijadikan model penggubalan perlembagaan negara Islam dan menepati keperluan negara moden kerana pembinaan negara Madinah juga berteraskan komposisi masyarakat pelbagai agama dan bangsa.

Terdapat ramai ahli akademik dan pengamal perundangan Islam atau bukan Islam telah meneliti Piagam Madinah. Walaupun begitu, berdasarkan kepada pengalamannya yang luas, tokoh perundangan rantau ini, Ahmad Ibrahim adalah orang yang layak untuk menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan Piagam Madinah. Apatah lagi, beliau telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang perundangan Islam terutamanya dalam hal memperkasakan mahkamah Syariah dan penubuhan bidang pengajian undang-undang di peringkat tinggi. Bagi tujuan perbahasan tentang Piagam Madinah, beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Piagam Madiah Pandangan dan Ulasan* (1985). Buku ini telah menjelaskan perkara-perkara yang terdapat di dalam perlembagaan tersebut. Sebagai seorang pemikir dalam bidang perundangan, beliau sudah tentu mengetahui kepentingan Piagam Madinah dan kesesuaiannya dalam konteks kehidupan semasa terutamanya di Malaysia.

Pembentukan Piagam Madinah

Sebelum melanjutkan kepada perbincangan yang lebih mendalam, penulis akan menjelaskan secara ringkas tentang sejarah pembentukan perlembagaan tersebut yang mana mempunyai kaitan dengan peristiwa Hijrah serta latar belakang masyarakat Madinah. Setelah menghadapi tekanan yang amat dahsyat daripada penduduk Mekah termasuk ancaman bunuh kepada Baginda SAW sendiri, maka Baginda SAW telah mengambil keputusan untuk berhijrah. Dalam siri Hijrah Baginda SAW yang pertama ke Taif, Baginda SAW gagal menadptkan perlindungan sewajarnya daripada penduduk Taif menyebabkan Baginda SAW telah mengambil keputusan untuk melakukan hijrah ke Madinah bersama-

sama Sahabat RA. Di Madinah, Baginda bukan sekadar diberikan jaminan perlindungan bahkan kedatangan Baginda SAW juga disambut dengan baik oleh penduduk Madinah. Ketika Rasulullah SAW dan rombongan sampai di Madinah, jumlah orang Islam termasuk *muhājirūn* hanyalah beberapa ratus orang sahaja berbanding dengan jumlah keseluruhan populasi penduduk Madinah pada ketika itu dianggarkan lebih kurang 10 ribu orang dengan separuh daripadanya adalah orang Yahudi (Muhammad Hamidullah 2007: 45). Masyarakat Madinah terdiri daripada pelbagai kaum dan puak seperti kaum 'Aus dan Khazraj, golongan Quraish dari Makkah, orang Yahudi dan Nasrani dan dipengaruhi oleh cara kehidupan *'aṣabiyyah* masyarakat Arab jahiliyyah. Keadaan ini memerlukan Nabi Muhammad SAW melaksanakan satu langkah yang boleh menjadi asas penyatuan semua rakyat Madinah. Baginda SAW telah memetrai perjanjian dengan penduduk Madinah iaitu melalui penggubalan Piagam Madinah. Ia menyusun pembentukan sebuah negara kota serta menggariskan hak, tanggungjawab dan peraturan di antara penduduk berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

Menurut penulisan sirah seperti *Fiqh al-Sīrah* (al-Buṭī 1999) dan *al-Rahīq al-Makhtūm* (al-Mubārḳfūrī 2011) serta buku *Pengantar Masyarakat Islam* (Mustafa bin Haji Daud 1990), tiga perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW setibanya di Madinah ialah membina masjid, mempersaudarakan umat Islam dan menggubal piagam. Tahap awal ini merupakan proses untuk mengukuhkan kedudukan sosio-politik orang Islam di Madinah termasuk kedudukan Baginda SAW sebagai Ketua Negara. Piagam yang digubal pada 633 Masihi tersebut juga dikenali sebagai *Ṣaḥīfah al-Madīnah* atau *Wathīqāt al-Madīnah*. Piagam adalah sebuah perlembagaan yang digunapakai sebagai rujukan dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah negara yang adil. Oleh itu, perlembagaan bukan hanya diperlukan oleh sebuah negara yang dianggap bertamadun tetapi juga digunapakai oleh negara yang dianggap tidak bertamadun bahkan negara yang ditadbir oleh seorang raja aristokrat turut memerlukan sebuah perlembagaan. Untuk mencapai kestabilan dalam kehidupan masyarakat pelbagai budaya dan bangsa serta agama, kontrak sosial diperlukan sebagai perjanjian yang disepakati oleh setiap kumpulan masyarakat. Ia juga bukan sekadar perjanjian oral tetapi adalah sebuah perjanjian yang termaktub di dalam dokumen. Menurut Muhammad Hamidullah (2007: 42-43), Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia yang digubal oleh sebuah negara berdaulat di bawah kepimpinan Rasulullah SAW. Ia juga menolak dakwaan yang menyatakan Islam hanyalah agama ibadat yang menumpukan hubungan antara makhluk dengan Tuhan semata-mata (al-Būṭī 1999). Oleh kerana itu, penggubalan kandungan Piagam Madinah begitu signifikan dalam sejarah Islam kerana melalui piagam ini sebuah negara Islam terbentuk, pengiktirafan Nabi SAW sebagai ketua negara serta membentuk ummah yang terdiri di dalamnya pelbagai bangsa dan agama. Menurut Muhammad Hamidullah (2007: 43), piagam tersebut mempunyai 52 bahagian yang mengandungi istilah-istilah perundangan dan kaedah penulisan perlembagaan yang sesuai dengan era tersebut bahkan kepentingannya juga turut diperakui oleh pengkaji-pengkaji di Eropah.

Kandungan penting piagam tersebut adalah pengiktirafan semua masyarakat Madinah sebagai satu ummah tanpa mengambil kira perbezaan dari aspek agama dan puak. Hal ini menyatakan dengan jelas bahawa hanya ada satu masyarakat. Ia adalah langkah yang paling penting yang telah dilakukan oleh Nabi SAW dalam menyatukan masyarakat Madinah. Kesatuan ummah yang tergambar dalam piagam adalah refleksi daripada fitrah kejadian manusia yang berbeza dari aspek bangsa dan agama. Ini bertepatan dengan ayat Quran yang menyatakan bahawa variasi penciptaan manusia adalah bertujuan agar mereka saling berkenalan antara satu sama lain (Quran 49:13). Piagam ini juga telah menjadi

kontrak sosial bagi setiap warga Madinah dan piagam pertama yang digubal dalam bentuk yang menunjukkan hubungan antara agama dan politik. Ia merupakan sebuah piagam yang boleh menjadi contoh bagi pembinaan negara Islam semasa. Dzafir Al-Qasimy (1985: 32) menyatakan bahawa:

Jika kita menganalisa tajuk-tajuk yang terkandung di dalam Sahifah (piagam) ini nescaya kita dapati ianya mengandungi beberapa dasar politik yang tulen yang negara-negara moden sekarang pun memakinya dan dasar-dasarnya tersebut masih hingga sekarang diterima sebagai dasar pokok dalam rujukan urusan perundangan dan penyusunan.

Menurut Azyati Azhani Mohd Mazuki et. al. (2013), Nabi Muhammad SAW menggunakan pendekatan *Waṣatiyyah* atau kesederhanaan dalam membina Piagam Madinah bagi memberi hak dan keadilan yang sewajarnya kepada penduduk yang menganggotai Madinah. Pendekatan ini dirasakan perlu dicontohi dalam kehidupan bernegara pada zaman ini disebabkan setiap negara juga mempunyai komposisi masyarakat pelbagai agama dan bangsa sepertimana dalam kehidupan masyarakat Madinah.

Ketokohan dan Sumbangan Ahmad Ibrahim

Prof. Emeritus Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim (1916-1999) merupakan tokoh yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang perundangan. Beliau dilahirkan di Singapura pada tanggal 15 Mei 1916. Gelaran sebagai *The Walking Encyclopedia* membuktikan luasnya pengetahuan beliau dalam ilmu terutamanya bidang perundangan. Oleh kerana itu, beliau sangat dikagumi dan dihormati oleh pengamal undang-undang dan dianggap sebagai pakar rujuk. Sumbangan Ahmad Ibrahim sangat signifikan dalam perkembangan pengajian undang-undang di Malaysia. Beliau menjadi pengasas kepada penubuhan dua fakulti undang-undang di dua buah universiti terkemuka di Malaysia iaitu Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya dan Kulliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga telah menggubal dan melaksanakan sebuah kurikulum pengajian yang berteraskan ilmu undang-undang sivil dan syariah di universiti tersebut. Dengan berbekalkan pengetahuan dan pengalaman kerjaya perundangan yang luas, beliau telah berjaya merencanakan suatu struktur pengajian undang-undang Islam secara bersepadu dengan menggabungkan pengajian undang-undang sivil dalam satu kuliah (fakulti). Ini juga telah mengubah sistem pengajian undang-undang sebelumnya yang memisahkan antara pengajian undang-undang Islam dengan undang-undang sivil. Kesannya, pengajian undang-undang Islam telah memasuki arus perdana pengajian undang-undang dan penekanan kepada undang-undang Islam telah mula diberikan. Reformasi terhadap pengajian undang-undang yang dilakukan oleh Ahmad Ibrahim tersebut kemudiannya telah mempengaruhi pelaksanaan pengajian undang-undang Islam mahupun undang-undang sivil di universiti-universiti tempatan yang lain (Mohd. Badrol Awang 2011). Melalui pengajian perundangan bersepadu yang dirangka oleh Ahmad Ibrahim di universiti telah melahirkan pengamal dan sarjana undang-undang yang menguasai dan berkecimpung dalam dua sistem perundangan sekali gus.

Selain itu, antara sumbangan penting beliau ialah perjuangannya untuk memartabatkan perundangan Syariah sehingga sistem tersebut mendapat pengiktirafan dan diterima dalam sistem perundangan Malaysia. Beliau telah mengambil inisiatif menerapkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai syariah dalam sistem undang-undang sivil negara. Sumbangan beliau tersebut bukan sekadar di Malaysia malahan juga kepada negara-negara

serantau terutamanya di Singapura. Ahmad Ibrahim telah meninggal dunia pada tanggal 17 April 1999 di Gombak, bersamaan dengan 1 Muharram 1420H. Sebelum beliau meninggal dunia, beliau berjaya menyiapkan bukunya yang terakhir, iaitu *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia* yang dianggap sebagai satu khazanah ilmu yang bernilai kepada umat Islam. Selepas kematian beliau banyak usaha-usaha yang telah dilakukan bagi menghargai sumbangan Ahmad Ibrahim antaranya ialah melalui penulisan-penulisan bibliografi dan memorial, Di samping itu, terdapat juga pelancaran acara berbentuk tahunan serta projek mega yang bertujuan untuk memperingati dan menghargai pemikiran dan sumbangan beliau dalam dunia perundangan negara. Segala usaha dan sumbangan beliau wajar untuk dihayati dan didukung oleh sarjana perundangan Islam dan masyarakat. Segala usaha beliau terutamanya penubuhan pusat pengajian undang-undang adalah bertujuan untuk melihat undang-undang Islam ditadbir dan dilaksanakan secara menyeluruh menggantikan undang-undang tinggalan penjajah (Mohd. Badrol Awang, 2011).

Pandangan Ahmad Ibrahim Tentang Piagam Madinah

Allah telah membenarkan Umat Islam Mekah untuk berpindah ke Madinah berikutan dengan komplot jahat *mushrikīn* terhadap umat Islam sehingga mereka berpakat untuk membunuh Nabi SAW. Menurut Ahmad Ibrahim (1985: 9), Hijrah adalah mulanya pembentukan sebuah Negara Islam; pemerintahan, ekonomi dan sosial berlandaskan cara Islam. Ini juga menepati penulisan Ahmad Shalaby (1976: 10-11) yang menyatakan bahawa masyarakat Islam yang pertama terbentuk di Madinah dan bukannya Mekah dengan memberikan beberapa alasan antaranya, bilangan orang Islam di Mekah sangat sedikit dan keadaan keselamatan mereka juga tidak terjamin. Setelah tiba di Madinah, Rasulullah SAW telah menggubal Piagam Madinah pada tahun tersebut di mana belum ada sebarang pelebagaan yang pernah digubal sebagai panduan kehidupan masyarakat beragama di mana-mana kota di Tanah Arab mahupun tamadun lain di sekitarnya.

Prinsip-prinsip yang terkandung di dalam perlebagaan Madinah semuanya datang daripada Allah dan mengikut ajaran-ajaran yang disampaikan sebagai Wahyu kepada Nabi Muhamaad SAW melalui Quran dan Sunnah (Ahmad Ibrahim 1985: 24). Piagam Madinah adalah perlebagaan pertama yang telah memberikan hak sewajarnya kepada semua agama untuk diamalkan dalam negara dengan aman. Ia juga menjadi asas pembentukan ummah dan bangsa atau *nation*. Ia memberikan takrif, hak dan tugas setiap unit di dalam ummah. Hal tersebut adalah asing dalam kehidupan masyarakat ketika itu terutamanya masyarakat Arab yang terkenal dengan kehidupan berpuak-puak, mengikut qabilah atau *'asabiyyah*. Sebelum kedatangan Islam ke Madinah, mereka tidak pernah mengenali apa-apa jenis susunan negara, maka Rasulullah SAW telah memperkenalkan sebuah perlebagaan yang bertulis kepada bangsa Arab (Ahmad Ibrahim 1985: 12).

1. Piagam Madinah Sebagai Perlebagaan Persekutuan

Piagam Madinah adalah perlebagaan bertulis pertama yang memuatkan peruntukan mengenai hak rakyat dan tanggungjawab yang mesti dijalankan. Perlebagaan memperuntukkan sebuah institusi kerajaan pusat bagi menjamin keadilan tanpa menghilangkan kuasa dan keistimewaan golongan-golongan tertentu. Oleh itu, menurut Ahmad Ibrahim (1985: 12), Piagam Madinah boleh dianggap sebagai sebuah perlebagaan yang bersifat persekutuan. Dalam perlebagaan ini, Rasulullah SAW bukan sahaja menjadi ketua bagi orang Islam tetapi juga kepada orang-orang Yahudi dan juga orang Arab yang masih belum Islam. Urusan penting seperti perang dan damai adalah urusan

kerajaan pusat. Oleh kerana itu, urusan perang diputuskan oleh Baginda SAW sendiri sebagai pemimpin tertinggi dalam negara. Setiap peperangan atau ancaman terhadap Madinah dianggap sebagai ancaman terhadap semua orang dan memerlukan kerjasama dari segenap pihak untuk mempertahankan kedaulatan Madinah (Ahmad Ibrahim 1985: 13). Dalam pengenalan dan fasal terakhir menjelaskan tentang kedudukan Nabi SAW sebagai pesuruh Allah dan sebarang perselisihan hendaklah dikembalikan kepada Allah dan Rasulnya (fasal 47: ayat 7, fasal 23 dan fasal 42). Ia juga menunjukkan pengakuan semua penduduk Madinah dengan tidak mengira kaum terhadap pemerintahan Nabi SAW. Pengakuan tersebut adalah sebuah persetujuan antara pemimpin dengan rakyat yang dipimpin. Dalam hal ini, orang Yahudi juga mengakui Nabi SAW sebagai Ketua Negara dan mengakui kehoramatan serta kesucian kota Madinah – bebas daripada sebarang ancaman dan peperangan (Ahmad Ibrahim 1985: 14). Peruntukan Fasal 36 dalam perlembagaan Madinah juga menjelaskan tentang kedudukan yang paling tinggi Rasulullah SAW di Madinah iaitu ‘tidak seorang warganegara pun dibolehkan bertindak keluar tanpa kebenaran dari Muhammad’. Dalam bidang kehakiman juga Rasulullah SAW berada pada kedudukan tinggi sesuai dengan prinsip Islam bahawa sebarang permasalahan hendaklah dikembalikan kepada Allah dan Rasulnya (al-Quran 42: 10). Oleh yang demikian di bandar Madinah, Rasulullah SAW juga bertindak sebagai hakim.

Walaupun kedudukan Rasulullah berada paling tinggi dalam pemerintahan dan perundangan di Madinah, kedudukan beliau tidak sama dengan prinsip *the king can do no wrong* atau raja tidak melakukan kesilapan kerana menurut Ahmad Ibrahim (1985: 16-17), terdapat perbezaan antara kuasa yang dipegang oleh Rasulullah SAW dengan kuasa mutlak yang dipegang oleh seorang raja. Ini kerana Rasulullah SAW membawa unsur akhlak dalam politiknya dan menolak pengaruh kebendaan. Baginda SAW menganggap Allah sebagai sumber kekuasaan dan Baginda SAW hanya wakilnya. Baginda SAW juga mengisytiharkan bahawa perintah Allah terpakai terhadap dirinya sebagai rakyat biasa. Maka, di sini juga menampakkan perbezaan antara prinsip teokrasi Islam dengan corak pemerintahan aristokrasi iaitu dalam Islam, pemimpin tidak kebal daripada perundangan dan tidak dipengaruhi oleh sogokan kebendaan sebaliknya mengutamakan nilai akhlak yang mulia.

Menurut Ahmad Ibrahim (1985: 24), Perlembagaan Madinah telah menggariskan beberapa prinsip umum negara mengikut keperluan semasa antaranya ialah al-Quran dan Sunnah adalah sumber hukum negara, kesatuan ummah dan kedaulatan negara, kebebasan bergerak dan tinggal di Madinah, hak dan tanggungjawab rakyat dari segi ketahanan dan pertahanan negara, dasar hubungan dan bantu-membantu di antara sesama warganegara, tanggungjawab individu dan negara (pemerintah) dalam menegakkan keadilan sosial, beberapa undang-undang keselamatan seperti hukuman *qisas* dan lain-lain telah dicatatkan, kebebasan beragama untuk semua yang menjadi warganegara dan tanggungjawab negara terhadap orang bukan Islam. Oleh itu, perlembagaan Madinah mengandungi dasar-dasar umum yang setanding dengan perlembagaan negara-negara moden. Madinah merupakan sebuah bandar kecil yang terdiri daripada dua puluh jajahan di dalamnya telah disusun dalam sebuah negara kota, dan rakyat yang jumlahnya kecil tetapi telah bersatu di bawah perlembagaan pusat yang bersifat anjal dan boleh dilaksanakan (Ahmad Ibrahim 1985: 12). Jika terdapat sebarang perselisihan yang tidak dapat diselesaikan, mereka akan merujuk kepada Rasulullah SAW untuk mendapatkan perintah muktamad. Oleh yang demikian, Piagam Madinah adalah perlembagaan persekutuan yang mengurus tadbir aspek sosio-agama-politik negara, membentuk Madinah menjadi sebuah negara kota yang berdaulat dan bertamadun serta mengangkat kedudukan Nabi SAW sebagai pemimpin yang tertinggi.

2. *Pembinaan Ummah dan Kontrak Sosial Bersama Golongan Bukan Islam Terutamanya Yahudi*

Jika dilihat di peringkat awal, pasca peristiwa hijrah, bilangan umat Islam adalah minoriti di Madinah. Menurut Ahmad Ibrahim (1985: 9), bilangan umat Islam hanya ratusan sahaja daripada jumlah bilangan penduduk Madinah, lima hingga sepuluh ribu orang dan daripada jumlah itu, separuh daripadanya pula adalah orang Yahudi. Oleh yang demikian masyarakat Yahudi adalah antara masyarakat majoriti di Madinah. Urusan untuk menggariskan sebuah perlembagaan di sebuah negara baru dengan membawa sebuah misi baru, asas ketauhidan dan kenabiannya bukanlah suatu perkara yang mudah bagi Nabi SAW. Apatah lagi berhadapan dengan orang-orang Yahudi yang bilangannya besar ketika itu. Menurut Ahmad Ibrahim (1985: 9), terdapat beberapa masalah yang perlu diselesaikan iaitu; (i) menggariskan hak dan tanggungjawab orang-orang Islam dan penduduk tempatan Madinah, (ii) pemuliaan orang-orang yang berhijrah, (iii) persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutama sekali dengan orang-orang Yahudi, (iv) penyusunan soal politik dan pertahanan Madinah dan (v) bayaran pampasan terhadap kerugian atau kehilangan nyawa dan harta yang dialami oleh orang-orang yang berhijrah.

Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah tersebut, Nabi SAW telah membuat perjanjian antara orang Islam dengan orang Yahudi di Madinah dengan merangka dan mengisytiharkan suatu perlembagaan yang digelar sebagai *Kitāb* atau *Ṣaḥīfah* iaitu kanun tingkah laku atau piagam mengenai hak dan kewajipan pemerintah dan orang yang diperintah (Ahmad Ibrahim, 1985: 9). Piagam tersebut behubung hal-hal yang berkaitan dengan orang-orang *Muhājirīn* dan *Anṣār* termasuk juga perjanjian dengan orang-orang Yahudi bagi menjamin harta dan agama mereka serta peruntukan kewajipan masing-masing. Dengan merujuk kepada ayat Quran (42:38), Ahmad Ibrahim (1985: 9) menjelaskan bahawa piagam tersebut adalah hasil mesyuarat dan persetujuan antara ketua-ketua orang Islam dan orang Yahudi di Madinah.

Melalui piagam ini, semua warganegara bersetuju bahawa tanpa mengira latar belakang agama, mereka semua dianggap satu ummah. Oleh yang demikian perkataan ummah adalah perkataan yang bersifat inklusif dan bukan eksklusif. Istilah tersebut dalam hal ini meliputi semua bangsa dan agama. Ia menunjukkan sifat toleransi Nabi SAW kepada semua warganegara Madinah. Toleransi beragama ini terdapat dalam ajaran Islam seperti mana yang terkandung di dalam Quran (2:256, 109:6 & 2:62). Dalam hal ini, orang Yahudi di Madinah juga diterima sebagai anggota ummah berserta beberapa syaratnya dan selama mana mereka masih melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan, hak mereka akan terjamin. Oleh yang demikian, berlainan agama bukanlah faktor yang menyebabkan seseorang tidak layak mendapat hak kewarganegaraan. Oleh itu, piagam telah menjamin kedudukan setiap warganegara adalah sama di sisi perlembagaan dan mengiktiraf kewujudan agama-agama lain. Di bawah perlembagaan ini setiap agama, etnik dan kaum mempunyai kedudukan yang sama dari segi keselamatan, hak dan maruah. Mereka boleh hidup berdasarkan kepercayaan mereka dan dalam urusan yang berkaitan dengan agama dan tradisi, mereka juga diberikan hak untuk menghakiminya dengan menggunakan sistem perundangan mereka dengan syarat tidak melanggar perlembagaan.

Menurut Ahmad Ibrahim (1985: 11), selain daripada persoalan berkaitan dengan hak kewajipan pemerintah dengan orang yang diperintah, keadilan, susunan pertahanan, kedudukan Ketua Negara, layanan terhadap orang bukan Islam dan jaminan kemasyarakatan, pengertian ummah juga dianggap penting untuk difahami. Terdapat berbagai-bagi golongan dalam pengertian ummah antaranya dalam fasal 25 menyatakakn

bahawa orang-orang Yahudi Bani 'Awf adalah merupakan ummah bersama-sama dengan orang mukmin. Oleh yang demikian, Islam menganggap bahawa ahli al-kitāb iaitu orang Yahudi adalah warganegara atau ummah bersama-sama orang Islam selama mereka menjalankan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka. Suku-suku kaum Yahudi telah dinyatakan satu persatu dalam perlembagaan Madinah dan mereka yang tidak menyertai negara Madinah sebagai satu unit masyarakat adalah unit yang berasingan. Mereka yang menyertainya juga akan memberikan bantuan kepada ketenteraan dan orang-orang Islam apabila orang Islam memerangi sesetengah kaum Yahudi dan mengarahkan mereka meninggalkan kota Madinah (Ahmad Ibrahim 1985: 13). Peruntukan yang lain pula menyebut bahawa bila berlaku peperangan maka setiap golongan hendaklah berjuang secara bergilir-gilir dan tidak boleh diserahkan kepada sebahagian tentera sahaja, masing-masing dikehendaki bekerjasama antara satu sama lain (Fasal 18). Orang Yahudi yang taat setia kepada negara berhak mendapat pertolongan tanpa dianiya (Fasal 16). Konsep ummah juga boleh diperjelaskan dengan meletakkan kepentingan negara di atas sebarang kepentingan lain terutamanya apabila ia berkaitan dengan isu keselamatan dan pertahanan.

Warganegara Madinah didirikan di atas satu ummah untuk mempertahankan kedaulatan Madinah. Oleh kerana itu juga, sebarang usaha damai diberikan keutamaan dalam perlembagaan seperti dalam fasal 45, ayat 1: dan apabila mereka diajak kepada perdamaian, mereka akan damai. Ayat 2 dalam fasal yang sama turut menyatakan bahawa sesungguhnya mereka, apabila diajak kepada seperti demikian (perdamaian) maka menjadi kewajipan di atas orang-orang yang beriman untuk (berdamai) dengan mereka kecuali mereka memusuhi (Islam). Kewajipan untuk berdamai ini bukan saja terletak di bahu orang Islam sahaja seperti mana yang terdapat di dalam Quran (49:10), tetapi juga menjadi tanggungjawab orang-orang Yahudi. Di dalam dokumen perjanjian Piagam Madinah termaktub bahawa Muslim harus melayani masyarakat bukan Muslim dengan baik dan harmoni. Dalam masa yang sama, masyarakat bukan Islam juga tidak menyakiti orang Islam, dan perlu mempraktikkan akhlak yang baik. Dasar kebaikan satu ummah antara Muslim dengan bukan Muslim ataupun Yahudi tidak bercanggah dengan prinsip agama kerana al-Quran juga tidak melarang kaum Muslim untuk berbuat baik terhadap kaum agama lain. Oleh itu, pada peringkat awal lagi umat Islam telah didedahkan dengan kehidupan masyarakat majmuk, pelbagai agama dan tradisi. Setelah memahami tentang konsep ummah, perlembagaan juga menjelaskan bahawa orang-orang Quraish adalah musuh Islam sepertimana yang terdapat pada fasal 43 iaitu larangan memberikan perlindungan kepada orang Quraish kerana ia akan mengancam keutuhan kota Madinah (Ahmad Ibrahim 1985: 14).

Selain itu, menurut Ahmad Ibrahim (1985: 18), piagam Madinah menunjukkan keadilan dan kedaulatan undang-undang. Ia boleh dilihat berdasarkan kepada fasal 37, ayat 4 iaitu setiap orang tidak boleh dihukum kerana kesalahan yang dilakukan oleh sahabat atau sekutunya. Manakala dalam fasal 47, ayat 1 iaitu perlindungan tidak boleh diberikan kepada orang yang zalim dan salah. Fasal 22, ayat 1 pula menjelaskan bahawa setiap orang yang menjunjung perlembagaan ini dan mempercayai tuhan dan Hari Kiamat tidak dibenarkan membantu atau memberikan perlindungan kepada orang salah. Ia menjelaskan bahawa perlembagaan Madinah mendokong ayat Quran (5:4). Piagam juga memberikan jaminan keamanan dan keselamatan bagi mereka yang tidak berlaku zalim seperti dalam fasal 47, ayat 4 yang berbunyi sesungguhnya siapa saja yang keluar adalah aman, manakala ayat 5 pula menyatakan dan sesiapa menetap adalah (juga) aman. Keadilan undang-undang boleh diperhatikan melalui jaminan keselamatan dan perlindungan terhadap mereka yang

menetap di Madinah mahupun yang meninggalkannya dengan syarat orang tersebut tidak berlaku zalim atau melakukan kesalahan.

3. *Jaminan Hak Kebebasan Beragama*

Berdasarkan kepada piagam yang telah digubal, terdapat dua bahagian yang merangkumi 23 fasal menyentuh tentang hubungan *Muhājirīn* dengan *Anṣār* manakala 24 yang lain merupakan peruntukan yang berhubung dengan hak dan kewajipan orang Yahudi. Oleh kerana itu, maksud perkataan *Ṣahīfah* di dalam *Lisān al-‘Arab* ialah *kitābihi li al-muhājirīn wa al-anṣār* (peraturan orang Muhajiran dan Ansar) dan *kitāb rasūlillahi sallāllhu ‘alayhi wa sallam li al-Yahūd* (peraturan dengan orang Yahudi). Oleh yang demikian, selain daripada hal-hal yang berkaitan dengan orang Islam (*muhājirīn* dan *anṣār*), perjanjian ini mengikat orang-orang Islam di satu pihak dan orang-orang Yahudi di pihak yang lain serta menjamin hak kebebasan beragama dan keselamatan kepada orang-orang Yahudi. Hasan Ali (2010) menjelaskan bahawa berdasarkan sejarah hanya Islam yang memberikan tentang jaminan hak kebebasan beragama bagi orang Yahudi di Madinah walaupun terdapat beberapa siri pengkhianatan mereka terhadap Rasulullah SAW dan orang Islam:

Selepas kematian pemimpin Yahudi, ‘Abdullah bin Ubayy, Nabi memberitahu Muadh bin Jabal supaya tidak memujuk orang Yahudi untuk meninggalkan agama mereka. Malahan kumpulan Yahudi Bahrain juga dibenarkan mengamalkan agama mereka walaupun tidak membayar cukai kepada Islam. Ini termasuk juga beberapa kelompok Yahudi lain seperti Banu Ghazia dan Banu Aridz yang diberikan perlindungan oleh orang Islam dan dibenarkan mengamalkan agama mereka. Dari aspek toleransi beragama dan jaminan hak kebebasan beragama terhadap kaum Yahudi dan agama lain di Madinah pada zaman tersebut adalah suatu pencapaian yang sangat luar biasa. Berbanding di Eropah, kaum Yahudi tidak mendapat layanan yang baik dan dihalau dari Rom oleh kerajaan Romawi dan Spanyol, Rusia, Prancis. Boleh dianggap, Eropah bukanlah tempat yang aman bagi orang Yahudi. Pembantaian terhadap orang Yahudi turut berlaku dalam Perang Salib. Orang-orang Yahudi terus menjadi sasaran penindasan di Eropah dan paderi-paderi Kristian kuat mempromosikan sentiment anti-Yahudi.

Ahmad Ibrahim (1985: 20) menjelaskan kedudukan orang Yahudi sebagai satu ummah dan hak kebebasan beragama mereka dijamin dalam perlembagaan Madinah:

Mengikut perjanjian yang menjadi asas Perlembagaan Madinah, kaum Yahudi dianggap sebagai satu ummah yang hidup bersatu dengan warganegara yang beriman dengan erti bahawa mereka hidup bersama dan saling bantu-membantu di bawah perjanjian hidup bersama di bawah pemimpin ketua negara Islam. Mereka bebas menganut dan mengamalkan agama mereka. Kebebasan ini bukan sahaja diberikan kepada orang Yahudi tetapi juga kepada pengikut-pengikut dan sekutu (*mawali*) mereka.

Kedudukan orang Yahudi dan hak yang diberikan terhadap mereka menepati prinsip yang terdapat dalam Quran (8: 61). Fasal 25, ayat 2; ‘bagi Yahudi agama mereka dan bagi orang Islam agama mereka’ juga selaras dengan ayat al-Quran (109:6 & 2:256). Walaupun begitu, fasal 3 menjelaskan kelahiran Negara Islam tidak bererti penghapusan secara menyeluruh terhadap segala tugas qabilah dari segi kemasyarakatan. Tugas-tugas yang baik, membawa erti kerjasama dan kebajikan adalah dikekalkan oleh Islam. Setiap

hukuman yang dikenakan mengikut peruntukan hendaklah diputuskan oleh mahkamah pengadilan, ia tidak boleh diputuskan oleh masing-masing, pihak tersendiri malah mestilah mengikut undang-undang Islam kecuali kes-kes yang melibatkan undang-undang peribadi orang-orang bukan Islam. Piagam juga mengekalkan beberapa adat resam yang telah lama diamal oleh umat Arab sejak zaman Jahiliyyah dulu seperti ada yang berkaitan dengan bayaran *diat* (bayaran darah) dan juga barang-barang tawanan perang (Lihat fasal 3 hingga fasal 13). Manakala dalam fasal 15, ayat 2 menyatakan ‘sesungguhnya orang yang beriman adalah kawan di antara satu sama lain tanpa manusia (lain)’ dijelaskan oleh Ahmad Ibrahim (1985: 23). Menurut beliau, penafian manusia (lain) dalam ayat tersebut tidak bermaksud orang Islam menganggap orang bukan Islam sebagai seteru. Apa yang ditekankan pada fasal tersebut adalah persaudaraan seagama – Islam dan ia tidak bermaksud bahawa orang bukan Islam tidak berhak mendapat kerjasama dan bantuan daripada pemerintah Islam.

Kesimpulan

Ahmad Ibrahim telah memberikan sumbangan yang besar kepada dunia akademik terutamanya dalam bidang perundangan. Oleh yang demikian, artikel ini merupakan penghargaan penulis kepada beliau. Daripada perbincangan tentang piagam Madinah yang telah dibincangkan oleh Ahmad Ibrahim di dalam bukunya yang bertajuk *Piagam Madinah Pandangan dan Ulasan*, penulis menyimpulkan bahawa;

4. Piagam Madinah adalah perlembagaan persekutuan yang membentuk negara kota Madinah;
5. Piagam Madinah adalah kontrak sosial masyarakat pelbagai kaum dan agama bagi membentuk ummah dan;
6. Piagam Madinah menjamin hak-hak asasi setiap warganegara terutamanya hak kebebasan beragama mereka termasuk kepada masyarakat Yahudi.

Oleh itu, Piagam Madinah wajar menjadi subjek kajian dalam bidang perundangan, politik dan *siyāsah al-shar‘iyyah*. Ini kerana kandungannya relevan untuk diaplikasikan bagi memupuk sikap toleransi dan semangat inklusif dalam kehidupan masyarakat global yang harmoni. Ia juga dapat menjawab wacana-wacana hak asasi dan kebebasan beragama anjuran Barat yang sentiasa mendiskriminasi Islam serta menimbulkan polemik dalam kehidupan masyarakat pelbagai bangsa dan agama. Piagam Madinah telah menjelaskan bagaimana Islam menerima kepelbagaian agama tanpa sebarang bentuk keganasan dan toleransi. Islam juga menjamin hak kehidupan setiap manusia termasuk hak kumpulan minoriti. Oleh yang demikian, sebarang bentuk keganasan dan ekstrimisme seperti ISIS tidak berakar daripada ajaran Islam yang sebenar malahan bertentangan dengan prinsip umum Piagam Madinah sepertimana yang telah dijelaskan oleh Ahmad Ibrahim.

Rujukan

- Ahmad Ibrahim & Dzafir El-Qasimy. 1985. *Piagam Madinah Pandangan dan Ulasan*. Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif
- Ahmad Shalaby. 1976. (terj.) *Masyarakat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān. 1999. *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Salām
- Al-Mubārakfūrī, Ṣafī al-Raḥmān. 2011. (terj.) *Al-Raḥīq al-Makhtūm*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia

- Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani; Azmi Aziz, Ermy Azziaty Rozali. 2013. Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah. *International Journal of West Asian Studies*. Vol. 5, No. 2. 1-15
- Hasan Ali. 2010. *Fajar di Hujung Malam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Penerangan Malaysia. 2013. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/524-kolumnis-akhbar/16031-kepercayaan-kepada-tuhan-bina-keharmonian-beragama.html>
- Mohd. Badrol Awang. 2011. Ahmad Ibrahim Dan Reformasi Pengajian Undang- Undang Islam Di Malaysia. *Kanun*. 23 (1). 40-60
- Muhammad Hamidullah. 2007. *The Prophet's Establishing a State and His Succession*. New Delhi: Adam Publisher & Distributors
- Mustafa bin Haji Daud. 1990. *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.